

KOLEJ TIGA BELAS

BENGKEL PENGURUSAN SUKAN 2.0 20 FEBRUARI 2020

PENGENALAN

Kelancaran pengurusan sukan perlu diketengahkan supaya mahasiswa bukan sahaja cemerlang dalam aspek akademik semata-mata, malahan mereka juga mampu menyeimbangkan kecemerlangan dalam aspek kokurikulum. Kemahiran mengurus dan memimpin adalah kemahiran yang perlu diajar dan diasah oleh setiap para mahasiswa. Oleh hal yang demikian, Sekretariat Sukan & Rekreasi, Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tiga Belas dengan kerjasama daripada Pihak Pengurusan Kolej Tiga Belas, Universiti Putra Malaysia dengan ini mengambil inisiatif yang sepatutnya dengan menganjurkan Bengkel Pengurusan Sukan 2.0 sebagai salah satu medium untuk memberikan pendedahan awal cara mengurus sukan secara efektif.

OBJEKTIF

- 1) Pelajar dapat mengaplikasikan tugas-tugas sebagai seorang pengurus sukan. (LS3)
- 2) Melatih pelajar untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam organisasi. (EM2)
- 3) Pelajar dapat memupuk sikap tanggungjawab, kepimpinan dan disiplin, dalam bidang sukan. (TS4), (TS5)
- 4) Melahirkan pelajar yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. (CTPS1), (CTPS3).

PELAKSANAAN

Bengkel Pengurusan Sukan 2.0 adalah sebuah usaha Sekretariat Sukan & Rekreasi, Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tiga Belas dengan kerjasama daripada Pihak Pengurusan Kolej Tiga Belas, Universiti Putra Malaysia untuk memberikan pendedahan awal kepada semua pengurus pasukan yang akan menguruskan perjalanan sesebuah pasukan bagi Kejohanan Sukan Kolej (SUKOL). Majlis ini dipimpin oleh saudara Muhammad Zakwan Adanan. Program ini juga mempunyai satu sesi iaitu pada waktu malam yang juga dimulakan dengan sepatah dua kata oleh En. Abdul Raub Abdulrahman, iaitu selaku felo penasihat bagi program ini. Terdapat beberapa pengisian yang kami tekankan pada sesi itu, antaranya cara mengurus pasukan sebelum, semasa dan selepas perlawanan, cara mendaftar pasukan atas talian serta cara memohon peralatan dan kemudahan lain di pejabat Kolej Tiga Belas.

HASIL PEMBELAJARAN

- 1) Melalui program ini, ia mampu dijadikan medium dimana para pelajar dapat membuat perancangan awal untuk mengurus sesebuah pasukan secara efektif.
- 2) Dengan adanya sesi pengisian yang padat dalam program ini, ia dapat memberikan pengetahuan yang lebih jelas sebagai seorang pengurus pasukan dan ia sedikit sebanyak dapat juga menambah kredibilit seseorang mahasiswa.
- 3) Penglibatan para pelajar Kolej Tiga Belas dalam menyertai program ini mampu meningkatkan lagi tahap kepimpinan bagi seseorang mahasiswa.

PENGHARGAAN

- 1) Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tiga Belas
- 2) Pihak Pengurusan Kolej Tiga Belas



KOLEJ TIGA BELAS



Gambar 1 Gambar menunjukkan para peserta sedang mendengar pesanan dan tips menguruskan pasukan daripada Cik Norsyafiqa Norsam, iaitu salah seorang felo penasihat Sekretariat Sukan & Rekreasi, Kolej Tiga Belas.



Gambar 2 Gambar menunjukkan para peserta sedang mendengar sepatah dua ucapan daripada En Abdul Raub Abdulrahman, iaitu juga salah seorang felo penasihat Sekretariat Sukan & Rekreasi merengkap felo penasihat bagi program Bengkel Pengurusan Sukan 2.0.



Gambar 3 Gambar menunjukkan para peserta bergambar bersama Cik Norsyafiqa Norsam dan para Majlis Perwakilan Kolej (MPK), Sekretariat Sukan & Rekreasi di akhir program ini.



Gambar 4 Gambar menunjukkan banner sepanjang program Bengkel Pengurusan Sukan 2.0 sesi 2019/2020